

Arkib Maklumbalas Pengguna (Suara Anda)

Senarai cadangan yang dipaparkan ini adalah cadangan orang awam yang telah dikemukakan melalui Borang Maklumbalas di Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap cadangan yang telah diambil tindakan akan dipaparkan di ruangan ini. Terima kasih di atas sokongan anda.

Maklumbalas Bagi November 2016

Bil.	Penghantar	Maklumbalas	Jawapan
1.	Mohd Fahmi 18/11/2016	<p>Assalamualaikum.</p> <p>Baru-baru ni saya telah berselisih faham dengan isteri dlm wassapp, kemudian saya tulis "kdg2 aku pikiaq pisah lagi baik".</p> <p>Adakah ayat ini termasuk dalam lafaz cerai dan bagaimana hukumnya?</p> <p>Dimohon pihak tuan dapat merungkaikan permasalahan saya ini.</p> <p>Terima kasih.</p>	<p>Wa'alaikumussalam w.b.t..</p> <p>Untuk pengetahuan tuan, ayat yang tuan gunakan itu bukanlah lafaz yang sorih (jelas) yang menunjukkan maksud dan kehendak untuk bercerai. Lafaz tersebut boleh membawa makna kehendak untuk bercerai, atau juga sekadar fikiran yang menunjukkan bahawa berpisah itu lebih baik, tanpa niat bertindak atau melakukan apa yang difikir itu. Ayat seperti ini termasuk dalam lafaz <i>kinayah</i> dan perlu disertakan dengan niat untuk benar-benar menceraikan isteri, barulah dikira jatuh lafaz cerai tersebut. Wallahu a'lam.</p>